



**KERAJAAN MALAYSIA**

**Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia**  
*(Malaysian Public Sector Accounting Standards)*

**MPSAS 4**

**Kesan Perubahan Kadar Pertukaran Asing**

Jun 2013

**MPSAS 4 – KESAN PERUBAHAN KADAR PERTUKARAN ASING**

**Pengiktirafan**

Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) adalah berasaskan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa (IPSAS) 4, *Kesan Perubahan Kadar Pertukaran Asing* daripada *Buku Panduan Penyataan Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa* Lembaga Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa, yang diterbitkan oleh Persekutuan Akauntan Antarabangsa (IFAC) pada April 2011 dan digunakan dengan kebenaran IFAC.

*Buku Panduan Penyataan Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa* © 2011 oleh Persekutuan Akauntan Antarabangsa (IFAC). Hak cipta terpelihara.

Disediakan oleh :  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
No. 1, Persiaran Perdana  
Kompleks Kementerian Kewangan  
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62594 Putrajaya

Tel : 03-88821000  
Faks : 03-88821765  
Web: <http://www.anm.gov.my>

## MPSAS 4 – KESAN PERUBAHAN KADAR PERTUKARAN ASING

### KANDUNGAN

---

	Perenggan
Objektif.....	1-2
Skop.....	3-9
Takrif.....	10-19
Mata Wang Fungsian.....	11-16
Item Monetari.....	17
Pelaburan Bersih dalam Operasi Asing .....	18-19
Ringkasan bagi Pendekatan yang Diperlukan oleh Piawai ini .....	20-22
Pelaporan Urus Niaga Mata Wang Asing dalam Mata Wang Fungsian.....	23-42
Pengiktirafan Awal .....	23-26
Pelaporan pada Tarikh Pelaporan Berikutnya .....	27-30
Pengiktirafan Perbezaan Pertukaran .....	31-39
Perubahan Mata Wang Fungsian.....	40-42
Penggunaan Mata Wang Pembentangan selain daripada Mata Wang Fungsian.....	43-58
Terjemahan kepada Mata Wang Pembentangan .....	43-49
Terjemahan Operasi Asing.....	50-56
Pelupusan Operasi Asing.....	57-58
Kesan Cukai akibat Perbezaan Pertukaran.....	59
Pendedahan.....	60-66
Peruntukan Peralihan.....	67-70
Pemakaian Kali Pertama Perakaunan Akruan .....	67-68
Peruntukan Peralihan bagi Semua Entiti.....	69-70
Tarikh Kuat kuasa.....	71-72
[Dimansuhkan].....	73
Perbandingan dengan IPSAS 4	

---

## MPSAS 4 – Kesan Perubahan Kadar Pertukaran Asing

---

Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) 4, *Kesan Perubahan Kadar Pertukaran Asing*, dinyatakan dalam perenggan 1-73. Semua perenggan mempunyai kuasa yang setara. MPSAS 4 seharusnya dibaca dalam konteks objektifnya dan *Prakata kepada Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia*. MPSAS 3, *Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan*, menyediakan asas untuk memilih dan menggunakan pakai dasar perakaunan apabila tiada panduan yang jelas.

## Objektif

1. Sesebuah entiti boleh menjalankan aktiviti asing dalam dua cara. Entiti boleh mempunyai urus niaga dalam mata wang asing atau operasi asing. Selain itu, sesebuah entiti juga boleh membentangkan penyata kewangannya dalam mata wang asing. Objektif Piawaian ini adalah untuk menetapkan kaedah memasukkan urus niaga mata wang asing dan operasi asing dalam penyata kewangan entiti, dan bagaimana menterjemah penyata kewangan tersebut kepada mata wang pembentangan.
2. Isu utama ialah:
  - (a) Menentukan kadar pertukaran yang akan digunakan; dan
  - (b) Kaedah melaporkan kesan perubahan kadar pertukaran dalam penyata kewangan.

## Skop

3. **Sesebuah entiti yang menyediakan dan membentangkan penyata kewangan mengikut asas perakaunan akrual hendaklah menggunakan pakai Piawaian ini untuk:**
  - (a) **Mengakaunkan urus niaga dan baki dalam mata wang asing, kecuali bagi urus niaga dan baki derivatif yang terkandung dalam skop MPSAS 29, *Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran*;**
  - (b) **Menterjemah prestasi kewangan dan kedudukan kewangan operasi asing yang dimasukkan dalam penyata kewangan entiti tersebut melalui penyatuan, penyatuan berkadaran, atau melalui kaedah ekuiti; dan**
  - (c) **Menterjemah prestasi kewangan dan kedudukan kewangan sesebuah entiti kepada mata wang pembentangan.**
4. MPSAS 29 terpakai kepada pelbagai derivatif mata wang asing dan tidak termasuk dalam skop Piawaian ini. Walau bagaimanapun, derivatif mata wang asing yang di luar skop MPSAS 29 (contohnya, derivatif mata wang asing yang terkandung dalam kontrak yang lain) adalah termasuk dalam skop Piawaian ini. Selain itu, Piawaian ini terpakai apabila sesebuah entiti menterjemah amaun berkaitan derivatif daripada mata wang fungsian kepada mata wang pembentangan.
5. Piawaian ini tidak terpakai kepada perakaunan lindung nilai bagi item mata wang asing, termasuk perlindungan nilai bagi pelaburan bersih dalam operasi asing. MPSAS 29 terpakai kepada perakaunan lindung nilai.
6. **Piawaian ini terpakai kepada semua entiti sektor awam selain Perusahaan Perniagaan Kerajaan (Government Business Enterprises, GBE).**
7. *Prakata kepada Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia* yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara menerangkan bahawa GBE menggunakan pakai piawaian perakaunan diluluskan yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB). GBE ditakrifkan dalam MPSAS 1, *Pembentangan Penyata Kewangan*.

## MPSAS 4 – Kesan Perubahan Kadar Pertukaran Asing

---

8. Piawaian ini terpakai kepada pembentangan penyata kewangan entiti dalam mata wang asing, dan menetapkan keperluan bagi membolehkan penyata kewangan yang dihasilkan dianggap sebagai telah mematuhi MPSAS. Bagi terjemahan maklumat kewangan kepada mata wang asing yang tidak mematuhi keperluan ini, piawaian ini menyatakan maklumat yang perlu didedahkan.
9. Piawaian ini tidak terpakai kepada pembentangan penyata aliran tunai bagi aliran tunai yang terhasil daripada urus niaga dalam mata wang asing, atau kepada terjemahan aliran tunai bagi operasi asing (rujuk MPSAS 2, *Penyata Aliran Tunai*).

### Takrif

10. Istilah berikut digunakan dalam Piawaian ini dengan maksud yang dinyatakan:

**Kadar penutup** ialah kadar pertukaran wang semerta pada tarikh pelaporan.

**Perbezaan pertukaran** ialah perbezaan yang terhasil daripada terjemahan sejumlah unit tertentu bagi satu mata wang kepada mata wang lain pada kadar pertukaran yang berbeza.

**Kadar pertukaran** ialah nisbah pertukaran bagi dua mata wang.

**Mata wang asing** ialah mata wang selain daripada mata wang fungsian bagi entiti tersebut.

**Operasi asing** ialah sebuah entiti dikawal, entiti bersekutu, usaha sama, atau cawangan bagi entiti pelaporan, yang aktivitinya berpangkalan atau dijalankan di negara selain daripada negara entiti pelaporan, atau dalam mata wang selain daripada mata wang bagi entiti pelaporan tersebut.

**Mata wang fungsian** ialah mata wang bagi persekitaran ekonomi utama di mana entiti tersebut beroperasi.

**Item monetari** ialah unit mata wang yang dipegang serta aset dan liabiliti yang akan diterima atau akan dibayar dalam bilangan unit mata wang yang telah ditetapkan atau boleh ditentukan.

**Pelaburan bersih dalam operasi asing** ialah suatu amaun bagi kepentingan entiti pelaporan dalam aset bersih/ekuiti operasi tersebut.

**Mata wang pembentangan** ialah mata wang yang digunakan dalam penyata kewangan yang dibentangkan.

**Kadar pertukaran semerta** ialah kadar pertukaran bagi penyerahan segera.

Istilah yang ditakrifkan dalam MPSAS lain digunakan juga dalam Piawaian ini dengan maksud yang sama seperti dalam Piawaian berkenaan, dan dihasilkan semula dalam *Glosari Istilah Tertakrif* yang diterbitkan secara berasingan.

### Mata Wang Fungsian

11. Persekitaran ekonomi utama sesebuah entiti itu beroperasi biasanya ialah persekitaran utama di mana entiti tersebut menjana dan membelanjakan tunai. Sesebuah entiti mempertimbangkan faktor berikut dalam menentukan mata wang fungsian:
- (a) Mata wang:
    - (i) Bagi hasil yang diperoleh, seperti cukai, geran, dan denda;
    - (ii) Yang sangat mempengaruhi harga jualan barangan dan perkhidmatan (biasanya mata wang yang didenominasi dan diselesaikan bagi harga jualan barangan dan perkhidmatan); dan
    - (iii) Bagi negara yang kuasa saingan dan peraturannya menjadi penentu utama harga jualan barangan dan perkhidmatan.
  - (b) Mata wang yang sangat mempengaruhi kos pekerja, bahan, dan kos lain dalam penyediaan barangan dan perkhidmatan (biasanya mata wang yang didenominasi dan diselesaikan bagi kos tersebut).
12. Faktor berikut juga boleh menentukan mata wang fungsian bagi sesebuah entiti:
- (a) Mata wang bagi dana yang dijana daripada aktiviti pembiayaan (iaitu terbitan instrumen hutang dan ekuiti).
  - (b) Mata wang bagi terimaan daripada aktiviti operasi yang biasanya dikekalkan.
13. Faktor tambahan yang berikut dipertimbangkan dalam menentukan mata wang fungsian bagi operasi asing, dan sama ada mata wang fungsian sama dengan mata wang fungsian entiti pelaporan (entiti pelaporan, dalam konteks ini, ialah entiti yang mempunyai operasi asing yang merupakan entiti dikawal, cawangan, entiti bersekutu, atau usaha sama):
- (a) Sama ada aktiviti operasi asing dijalankan sebagai peluasan kepada entiti pelaporan, dan bukannya beroperasi dengan tahap autonomi yang signifikan. Contohnya apabila sebuah jabatan pertahanan mempunyai beberapa pangkalan di luar negeri yang menjalankan aktiviti bagi pihak kerajaan. Pangkalan pertahanan itu mungkin menjalankan sebahagian besar aktivitinya dalam mata wang fungsian entiti pelaporan. Sebagai contoh, kakitangan tentera mungkin dibayar dalam mata wang fungsian dan hanya menerima elaun yang kecil dalam mata wang tempatan. Pembelian bekalan dan peralatan sebahagian besarnya mungkin diperoleh melalui entiti pelaporan, dengan pembelian dalam mata wang tempatan dihadkan kepada tahap minimum. Satu contoh lain ialah kampus universiti awam di luar negara yang beroperasi di bawah pengurusan dan arahan kampus dalam negara. Sebaliknya, operasi asing dengan tahap autonomi yang signifikan mungkin mengumpul wang tunai dan item monetari lain, menanggung belanja, menjana hasil, dan mungkin menguruskan peminjaman, yang sebahagian besarnya dalam mata wang tempatan. Beberapa contoh operasi asing milik kerajaan yang boleh beroperasi secara berasingan daripada agensi kerajaan yang lain termasuk pejabat pelancongan, syarikat cari gali petroleum, lembaga perdagangan dan operasi penyiaran. Entiti tersebut mungkin

## MPSAS 4 – Kesan Perubahan Kadar Pertukaran Asing

---

dikelaskan sebagai GBE.

- (b) Sama ada urus niaga dengan entiti pelaporan mempunyai perkadaran yang tinggi atau rendah dalam aktiviti operasi asing.
  - (c) Sama ada aliran tunai daripada aktiviti operasi asing mempengaruhi aliran tunai entiti pelaporan secara langsung dan sentiasa tersedia untuk diremitkan kepada entiti pelaporan.
  - (d) Sama ada aliran tunai daripada aktiviti operasi asing cukup untuk memenuhi obligasi hutang sedia ada dan yang lazimnya dijangka, tanpa bantuan dana oleh entiti pelaporan.
14. Apabila penunjuk di atas bercampur-campur dan mata wang fungsian tidak jelas, pihak pengurusan akan menggunakan pertimbangannya untuk menentukan mata wang fungsian yang benar-benar menunjukkan kesan ekonomi bagi urus niaga, peristiwa dan keadaan yang berlaku. Sebagai sebahagian daripada pendekatan ini, pihak pengurusan perlu memberikan keutamaan kepada penunjuk utama dalam perenggan 11 sebelum mempertimbangkan penunjuk dalam perenggan 12 dan 13, yang dirangka bagi menyediakan bukti sokongan tambahan untuk menentukan mata wang fungsian sesebuah entiti.
15. Mata wang fungsian sesebuah entiti menunjukkan urus niaga, peristiwa dan keadaan yang relevan kepada entiti tersebut. Oleh itu, setelah ditentukan, mata wang fungsian ini tidak diubah kecuali terdapat perubahan dalam urus niaga, peristiwa dan keadaan yang berlaku.
16. Jika mata wang fungsian ialah mata wang ekonomi hiperinflasi, penyata kewangan entiti itu perlu dinyatakan semula menurut IPSAS 10, *Pelaporan Kewangan dalam Ekonomi Hiperinflasi*. Sesebuah entiti tidak boleh mengelak daripada pernyataan semula menurut IPSAS 10, contohnya, dengan menerima pakai mata wang selain mata wang fungsian yang telah ditentukan menurut Piawaian ini, sebagai mata wang fungsian (seperti mata wang fungsian entiti pengawalnya).

### Item Monetari

17. Ciri penting item monetari ialah hak untuk menerima (atau obligasi untuk menyediakan) sejumlah unit mata wang yang tetap atau boleh ditentukan. Contohnya: obligasi dasar sosial dan manfaat pekerja lain yang perlu dibayar secara tunai; peruntukan yang perlu diselesaikan secara tunai, dan dividen tunai atau pengagihan yang serupa yang diiktiraf sebagai liabiliti. Sebaliknya, ciri penting item bukan monetari ialah ketiadaan hak menerima (atau obligasi untuk menyediakan) sejumlah unit mata wang yang tetap atau boleh ditentukan. Contohnya: amaun prabayar untuk barangan dan perkhidmatan (contohnya, sewa prabayar); muhibah; aset tak ketara; inventori; hartanah, loji dan peralatan; dan peruntukan yang perlu diselesaikan melalui penyerahan aset bukan monetari.

### Pelaburan Bersih dalam Operasi Asing

18. Sesebuah entiti mungkin mempunyai item monetari belum terima daripada atau belum bayar kepada operasi asing. Sesuatu item, sama ada penyelesaiannya tidak dirancang atau tidak mungkin berlaku dalam masa terdekat yang dapat dijangka, secara intipatinya, menjadi sebahagian daripada pelaburan bersih entiti itu dalam operasi asing tersebut, dan dilaporkan menurut perenggan 37 dan 38. Item monetari tersebut boleh termasuk belum terima atau



pinjaman jangka panjang. Ianya tidak termasuk dagangan belum terima atau dagangan belum bayar.

19. Entiti yang mempunyai item monetari belum terima daripada atau belum bayar kepada operasi asing seperti yang diterangkan dalam perenggan 18 boleh jadi mana-mana entiti dikawal bagi entiti ekonomi. Contohnya, sebuah entiti mempunyai dua entiti dikawal, A dan B. Entiti dikawal B ialah operasi asing. Entiti dikawal A memberikan pinjaman kepada entiti dikawal B. Pinjaman belum terima entiti dikawal A daripada entiti dikawal B akan menjadi sebahagian daripada pelaburan bersih entiti dikawal A dalam entiti dikawal B sekiranya penyelesaian pinjaman itu tidak dirancang atau tidak mungkin berlaku dalam masa terdekat yang dapat dijangka. Begitu juga jika entiti dikawal A sendiri ialah operasi asing.

### **Ringkasan bagi Pendekatan yang Diperlukan oleh Piawaian Ini**

20. Apabila menyediakan penyata kewangan, setiap entiti – sama ada entiti berdiri sendiri, entiti dengan operasi asing (seperti entiti mengawal), atau operasi asing (seperti entiti dikawal atau cawangan) – menentukan mata wang fungsinya menurut perenggan 11-16. Entiti itu menterjemah item mata wang asing kepada mata wang fungsinya, dan melaporkan kesan terjemahan tersebut menurut perenggan 23-42 dan 59.
21. Kebanyakan entiti pelaporan terdiri daripada beberapa entiti (contohnya, entiti ekonomi dibentuk daripada satu entiti mengawal dan satu atau lebih entiti dikawal). Pelbagai jenis entiti, sama ada ahli sesebuah entiti ekonomi atau tidak, boleh mempunyai pelaburan dalam entiti bersekutu atau usaha sama. Entiti ini juga boleh mempunyai cawangan. Prestasi kewangan dan kedudukan kewangan setiap entiti yang termasuk dalam entiti pelaporan perlu diterjemah kepada mata wang yang digunakan oleh entiti pelaporan dalam pembentangan penyata kewangannya. Piawaian ini membenarkan mana-mana mata wang digunakan sebagai mata wang pembentangan bagi sesebuah entiti pelaporan. Prestasi kewangan dan kedudukan kewangan mana-mana entiti dalam entiti pelaporan yang mata wang fungsinya berbeza daripada mata wang pembentangan hendaklah diterjemahkan menurut perenggan 43-59.
22. Piawaian ini juga membenarkan entiti berdiri sendiri yang menyediakan penyata kewangan atau sesebuah entiti yang menyediakan penyata kewangan berasingan menurut MPSAS 6, *Penyata Kewangan Disatukan dan Berasingan*, membentangkan penyata kewangannya dalam mana-mana mata wang. Jika mata wang pembentangan entiti itu berbeza daripada mata wang fungsinya, maka prestasi dan kedudukan kewangannya juga hendaklah diterjemahkan kepada mata wang pembentangan menurut perenggan 43-59.

### **Pelaporan Urus Niaga Mata Wang Asing dalam Mata Wang Fungsian**

#### **Pengiktirafan Awal**

23. Urus niaga mata wang asing ialah urus niaga yang didenominasi atau memerlukan penyelesaian dalam mata wang asing, termasuk urus niaga yang terhasil apabila sesebuah entiti:
  - (a) Membeli atau menjual barangan atau perkhidmatan yang harganya didenominasi dalam mata wang asing;

## MPSAS 4 – Kesan Perubahan Kadar Pertukaran Asing

---

- (b) Meminjam atau memberikan pinjaman dana apabila amaun belum bayar atau belum terima didenominasikan dalam mata wang asing; atau
  - (c) Memperoleh atau melupuskan aset, atau menanggung atau menyelesaikan liabiliti, yang didenominasi dalam mata wang asing.
24. **Urus niaga mata wang asing hendaklah direkodkan, pada pengiktirafan awal dalam mata wang fungsian, dengan mengguna pakai kadar pertukaran semerta antara mata wang fungsian dengan mata wang asing pada tarikh urus niaga, kepada amaun mata wang asing.**
25. Tarikh urus niaga ialah tarikh urus niaga itu mula layak diiktiraf menurut MPSAS. Atas sebab yang praktikal, kadar yang menghampiri kadar sebenar pada tarikh urus niaga lazimnya digunakan, contohnya, kadar purata bagi tempoh seminggu atau sebulan mungkin digunakan untuk semua urus niaga dalam setiap mata wang asing dalam tempoh itu. Walau bagaimanapun, jika kadar pertukaran mengalami turun naik dengan signifikan, penggunaan kadar purata bagi satu tempoh adalah tidak sesuai.
26. Perubahan kadar pertukaran boleh memberikan kesan terhadap tunai atau kesetaraan tunai yang dipegang atau terhutang dalam mata wang asing. Pembentangan perbezaan pertukaran tersebut dibincangkan dalam MPSAS 2. Walaupun perubahan ini bukan aliran tunai, namun kesan perubahan kadar pertukaran terhadap tunai atau kesetaraan tunai yang dipegang atau terhutang dalam mata wang asing, hendaklah dilaporkan dalam penyata aliran tunai untuk menyelaraskan tunai dan kesetaraan tunai pada awal dan akhir tempoh tersebut. Amaun ini dibentangkan berasingan daripada aliran tunai aktiviti operasi, pelaburan dan pembiayaan, dan termasuk perbezaan, jika ada, sekiranya aliran tunai tersebut telah dilaporkan pada kadar pertukaran akhir tempoh.

### **Pelaporan pada Tarikh Pelaporan Berikutnya**

27. **Pada setiap tarikh pelaporan:**
- (a) **Item monetari mata wang asing hendaklah diterjemah menggunakan kadar penutup;**
  - (b) **Item bukan monetari yang diukur berdasarkan kos sejarah dalam mata wang asing hendaklah diterjemah menggunakan kadar pertukaran pada tarikh urus niaga; dan**
  - (c) **Item bukan monetari yang diukur menggunakan nilai saksama dalam mata wang asing hendaklah diterjemah menggunakan kadar pertukaran pada tarikh nilai saksama tersebut ditentukan.**
28. Amaun bawaan sesuatu item ditentukan selari dengan MPSAS lain yang berkaitan. Contohnya, hartanah, loji dan peralatan boleh diukur menggunakan nilai saksama atau kos sejarah menurut MPSAS 17, *Hartanah, Loji dan Peralatan*. Sama ada amaun bawaan ditentukan berdasarkan kos sejarah atau berdasarkan nilai saksama, jika amaun itu ditentukan dalam mata wang asing, ia kemudiannya perlu diterjemah kepada mata wang fungsian menurut Piawaian ini.
29. Amaun bawaan sesetengah item ditentukan dengan membandingkan dua amaun atau lebih. Contohnya, amaun bawaan inventori yang dipegang untuk jualan ialah amaun yang lebih rendah

## MPSAS 4 – Kesan Perubahan Kadar Pertukaran Asing

---

antara kos dengan nilai realisasi bersih menurut MPSAS 12, *Inventori*. Begitu juga, menurut MPSAS 21, *Penjejasan Aset Tidak Menjana Tunai*, amaun bawaan aset tidak menjana tunai yang menunjukkan tanda penjejasan ialah amaun bawaannya yang lebih rendah sebelum mengambil kira kemungkinan kerugian penjejasan dan amaun perkhidmatan boleh pulihnya. Apabila aset tersebut bukan monetari dan diukur dalam mata wang asing, amaun bawaan ditentukan dengan membandingkan:

- (a) Kos atau amaun bawaan, apabila bersesuaian, yang diterjemah menggunakan kadar pertukaran pada tarikh amaun itu ditentukan (iaitu, kadar pada tarikh urus niaga bagi item yang diukur berdasarkan kos sejarah); dan
- (b) Nilai realisasi bersih atau amaun perkhidmatan boleh pulih, apabila bersesuaian, yang diterjemah menggunakan kadar pertukaran pada tarikh nilai itu ditentukan (contohnya, kadar penutup pada tarikh pelaporan).

Kesan perbandingan ini mungkin menyebabkan kerugian penjejasan diiktiraf dalam mata wang fungsian, tetapi tidak diiktiraf dalam mata wang asing, atau sebaliknya.

30. Apabila terdapat beberapa kadar pertukaran, kadar yang digunakan ialah kadar yang padanya aliran tunai masa hadapan yang menunjukkan urus niaga atau baki boleh diselesaikan sekiranya aliran tunai tersebut berlaku pada tarikh pengukuran. Jika pertukaran antara dua mata wang tidak dapat dilakukan untuk sementara waktu, kadar yang digunakan ialah kadar pertama berikutnya apabila pertukaran boleh dilakukan.

### **Pengiktirafan Perbezaan Pertukaran**

31. Seperti yang dinyatakan dalam perenggan 5, Piawaian ini tidak membincangkan perakaunan lindung nilai bagi item mata wang asing. Panduan berkaitan perakaunan lindung nilai, termasuk kriteria bagi menentukan bila ia perlu digunakan, boleh didapati dalam MPSAS 29.
32. **Perbezaan pertukaran yang terhasil daripada:**
  - (a) **Penyelesaian item monetari; atau**
  - (b) **Terjemahan item monetari menggunakan kadar yang berbeza daripada kadar pertukaran pada masa pengiktirafan awal sepanjang tempoh tersebut atau dalam penyata kewangan sebelumnya, hendaklah diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh ia terhasil, kecuali seperti yang diterangkan dalam perenggan 37.**
33. Apabila item monetari terhasil daripada urus niaga mata wang asing dan terdapat perubahan dalam kadar pertukaran di antara tarikh urus niaga dengan tarikh penyelesaian, perbezaan pertukaran akan wujud. Apabila urus niaga itu diselesaikan dalam tempoh perakaunan yang sama, kesemua perbezaan pertukaran itu diiktiraf dalam tempoh tersebut. Walau bagaimanapun, apabila urus niaga itu diselesaikan dalam tempoh perakaunan berikutnya, perbezaan pertukaran yang diiktiraf dalam setiap tempoh sehingga tarikh penyelesaiannya akan ditentukan mengikut perubahan kadar pertukaran dalam setiap tempoh tersebut.
34. Pengolahan perubahan kadar pertukaran mata wang asing dalam penyata aliran tunai diterangkan dalam perenggan 26.

35. **Apabila untung atau rugi daripada item bukan monetari diiktiraf secara langsung dalam aset bersih/ekuiti, apa-apa komponen pertukaran bagi untung atau rugi itu hendaklah diiktiraf secara langsung dalam aset bersih/ekuiti. Sebaliknya, apabila untung atau rugi daripada item bukan monetari diiktiraf dalam lebihan atau kurangan, apa-apa komponen pertukaran bagi untung atau rugi itu hendaklah diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.**
36. Terdapat MPSAS lain yang menghendaki untung dan rugi tertentu diiktiraf secara langsung dalam aset bersih/ekuiti. Sebagai contoh, MPSAS 17 menghendaki sebahagian daripada untung dan rugi yang terhasil daripada penilaian semula hartanah, loji dan peralatan diiktiraf secara langsung dalam aset bersih/ekuiti. Apabila aset tersebut dinilai dalam mata wang asing, perenggan 27(c) Piawaian ini menghendaki amaun yang dinilai semula itu diterjemah menggunakan kadar pada tarikh nilai itu ditentukan, dan perbezaan pertukaran yang dihasilkan diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti.
37. **Perbezaan pertukaran yang terhasil daripada item monetari yang membentuk sebahagian daripada pelaburan bersih dalam operasi asing oleh entiti pelaporan (rujuk perenggan 18) hendaklah diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam penyata kewangan berasingan entiti pelaporan itu atau dalam penyata kewangan individu operasi asing itu mengikut kesesuaian. Dalam penyata kewangan yang termasuk operasi asing dan entiti pelaporan (contohnya, penyata kewangan disatukan apabila operasi asing ialah entiti dikawal), perbezaan pertukaran tersebut hendaklah diiktiraf pada awalnya dalam komponen berasingan aset bersih/ekuiti, dan diiktiraf dalam lebihan atau kurangan yang diperoleh daripada pelupusan pelaburan bersih itu menurut perenggan 57.**
38. Apabila item monetari membentuk sebahagian daripada pelaburan bersih dalam operasi asing oleh entiti pelaporan, dan item itu didenominasi dalam mata wang fungsian entiti pelaporan itu, perbezaan pertukaran timbul dalam penyata kewangan individu operasi asing itu menurut perenggan 32. Jika item tersebut didenominasi dalam mata wang fungsian bagi operasi asing itu, perbezaan pertukaran timbul dalam penyata kewangan berasingan entiti pelaporan itu menurut perenggan 32. Jika item tersebut didenominasi dalam mata wang selain mata wang fungsian entiti pelaporan atau operasi asing itu, perbezaan pertukaran timbul dalam penyata kewangan berasingan entiti pelaporan itu dan dalam penyata kewangan individu operasi asing itu menurut perenggan 32. Perbezaan pertukaran tersebut dikelaskan semula kepada komponen berasingan aset bersih/ekuiti dalam penyata kewangan yang termasuk operasi asing dan entiti pelaporan (iaitu penyata kewangan bagi operasi asing yang disatukan, disatukan secara berkadar, atau yang diakaunkan menggunakan kaedah ekuiti).
39. Apabila entiti menyimpan buku dan rekod perakaunannya dalam mata wang selain daripada mata wang fungsian, semasa entiti menyediakan penyata kewangannya, semua amaun hendaklah diterjemah kepada mata wang fungsian menurut perenggan 23-30. Ini akan menghasilkan amaun yang sama dalam mata wang fungsian, dengan amaun yang sepatutnya terhasil jika item tersebut direkodkan dalam mata wang fungsian dari awal lagi. Contohnya, item monetari hendaklah diterjemah kepada mata wang fungsian menggunakan kadar penutup, dan item bukan monetari yang diukur berdasarkan kos sejarah hendaklah diterjemah menggunakan kadar pertukaran pada

tarikh urus niaga diiktiraf.

### **Perubahan Mata Wang Fungsian**

40. **Apabila berlaku perubahan mata wang fungsian bagi sesebuah entiti, entiti itu hendaklah menggunakan prosedur terjemahan yang diguna pakai bagi mata wang fungsian yang baharu itu secara prospektif dari tarikh perubahan tersebut.**
41. Seperti dinyatakan dalam perenggan 15, mata wang fungsian sesebuah entiti menunjukkan urus niaga, peristiwa dan keadaan yang relevan kepada entiti tersebut. Oleh itu, setelah mata wang fungsian itu ditentukan, ia hanya boleh ditukar jika berlaku perubahan pada urus niaga, peristiwa dan keadaan tersebut. Contohnya, perubahan mata wang yang sangat mempengaruhi harga jualan atau penyediaan barangan dan perkhidmatan mungkin menyebabkan perubahan mata wang fungsian entiti tersebut.
42. Kesan perubahan mata wang fungsian hendaklah diakaunkan secara prospektif. Dalam perkataan lain, entiti hendaklah menterjemah semua item kepada mata wang fungsian yang baharu menggunakan kadar pertukaran pada tarikh perubahan itu berlaku. Amaun pertukaran yang terhasil bagi item bukan monetari dianggap sebagai kos sejarah. Perbezaan pertukaran yang terhasil daripada terjemahan operasi asing yang sebelum ini diklasifikasikan dalam aset bersih/ekuiti menurut perenggan 37 dan 44(c) tidak diiktiraf dalam lebihan atau kurangan sehingga operasi asing tersebut dilupuskan.

### **Penggunaan Mata Wang Pembentangan selain daripada Mata Wang Fungsian**

#### **Terjemahan kepada Mata Wang Pembentangan**

43. Entiti boleh mengemukakan penyata kewangannya dalam apa-apa mata wang. Jika mata wang pembentangan berbeza daripada mata wang fungsian entiti itu, entiti hendaklah menterjemah prestasi dan kedudukan kewangannya kepada mata wang pembentangan. Contohnya, apabila sesebuah entiti ekonomi, seperti organisasi antarabangsa, mengandungi beberapa entiti yang menggunakan mata wang fungsian yang berbeza, prestasi dan kedudukan kewangan bagi setiap entiti hendaklah dinyatakan menggunakan mata wang yang sama, supaya penyata kewangan disatukan dapat dibentangkan. Bagi kerajaan atau kerajaan negeri/wilayah, mata wang pembentangan biasanya ditentukan oleh kementerian kewangan (atau pihak berkuasa yang serupa) atau ditetapkan oleh undang-undang.
44. **Prestasi kewangan dan kedudukan kewangan entiti yang mata wang fungsiannya bukan mata wang ekonomi hiperinflasi hendaklah diterjemah kepada mata wang pembentangan yang lain menggunakan prosedur berikut:**
  - (a) **Aset dan liabiliti bagi setiap penyata kedudukan kewangan yang dibentangkan (termasuk perbandingan) hendaklah diterjemah menggunakan kadar penutup pada tarikh penyata kedudukan kewangan tersebut;**
  - (b) **Hasil dan belanja bagi setiap penyata prestasi kewangan (termasuk perbandingan) hendaklah diterjemah menggunakan kadar pertukaran pada tarikh urus niaga itu**

berlaku; dan

- (c) **Semua perbezaan pertukaran yang terhasil hendaklah diiktiraf sebagai komponen berasingan bagi aset bersih /ekuiti.**

45. Apabila menterjemah aliran tunai, iaitu terimaan tunai dan bayaran tunai bagi operasi asing, untuk penyediaan penyata aliran tunai, entiti pelaporan hendaklah mematuhi prosedur dalam MPSAS 2. MPSAS 2 menghendaki aliran tunai entiti dikawal yang memenuhi takrif operasi asing supaya diterjemah mengikut kadar pertukaran antara mata wang pembentangan dengan mata wang asing pada tarikh aliran tunai tersebut. MPSAS 2 juga memberikan panduan berkaitan pembentangan untung dan rugi belum realisasi yang terhasil daripada perubahan kadar pertukaran mata wang bagi tunai dan kesetaraan tunai yang dipegang atau kena dibayar dalam mata wang asing.

46. Atas sebab yang praktikal, kadar yang menghampiri kadar pertukaran pada tarikh urus niaga tersebut, contohnya, satu kadar purata sepanjang tempoh itu biasanya digunakan untuk menterjemah item hasil dan belanja. Walau bagaimanapun, jika kadar pertukaran mengalami turun naik dengan signifikan, penggunaan kadar purata bagi satu tempoh adalah tidak sesuai.

47. Perbezaan pertukaran yang dirujuk dalam perenggan 44(c) terhasil daripada:

- (a) Terjemahan hasil dan belanja menggunakan kadar pertukaran pada tarikh urus niaga, serta aset dan liabiliti pada kadar penutup. Perbezaan pertukaran tersebut timbul bagi item hasil dan belanja yang diiktiraf dalam lebihan atau kurangan, dan bagi item yang diiktiraf secara langsung dalam aset bersih/ekuiti.
- (b) Terjemahan aset bersih/ekuiti awal pada kadar penutup yang berbeza daripada kadar penutup sebelumnya.

Perbezaan pertukaran ini tidak diiktiraf dalam lebihan atau kurangan kerana perubahan kadar pertukaran ini memberi sedikit atau tiada kesan secara langsung ke atas aliran tunai daripada operasi semasa dan masa hadapan. Apabila perbezaan pertukaran berkaitan dengan operasi asing yang disatukan tetapi bukan dimiliki sepenuhnya, perbezaan pertukaran terkumpul yang timbul daripada terjemahan dan yang berkaitan dengan kepentingan minoriti hendaklah diperuntukkan kepada, dan diiktiraf sebagai sebahagian daripada kepentingan minoriti dalam penyata kedudukan kewangan disatukan.

48. **Prestasi kewangan dan kedudukan kewangan sesebuah entiti yang mata wang fungsinya ialah mata wang ekonomi hiperinflasi hendaklah diterjemah kepada mata wang pembentangan yang lain menggunakan prosedur berikut:**

- (a) **Semua amaun (iaitu aset, liabiliti, item aset bersih/ekuiti, hasil dan belanja, termasuk perbandingan) hendaklah diterjemah menggunakan kadar penutup pada tarikh penyata kedudukan kewangan terkini, kecuali**
- (b) **Apabila amaun diterjemah kepada mata wang ekonomi bukan hiperinflasi, amaun perbandingan hendaklah amaun yang dibentangkan sebagai amaun tahun semasa dalam penyata kewangan tahun sebelumnya yang relevan (iaitu tiada pelarasan dibuat ke atas perubahan berikutnya pada harga atau kadar pertukaran).**

49. Apabila mata wang fungsian sesebuah entiti ialah mata wang ekonomi hiperinflasi, entiti tersebut hendaklah menyatakan semula penyata kewangannya menurut IPSAS 10 sebelum menggunakan kaedah terjemahan yang dinyatakan dalam perenggan 48, kecuali bagi amaun perbandingan yang diterjemah kepada mata wang ekonomi bukan hiperinflasi (rujuk perenggan 48(b)). Apabila ekonomi itu bukan lagi hiperinflasi dan entiti itu tidak lagi menyatakan semula penyata kewangannya menurut IPSAS 10, ia hendaklah menggunakan amaun yang dinyatakan semula mengikut harga pada tarikh entiti berhenti menyatakan semula penyata kewangannya, sebagai kos sejarah bagi terjemahan kepada mata wang pembentangan.

### Terjemahan Operasi Asing

50. Selain perenggan 43-49, perenggan 51-56 juga terpakai jika prestasi kewangan dan kedudukan kewangan operasi asing diterjemah kepada mata wang pembentangan, bagi membolehkan operasi asing itu dimasukkan dalam penyata kewangan entiti pelaporan melalui penyatuan, penyatuan berkadaran atau kaedah ekuiti.
51. Penggabungan prestasi kewangan dan kedudukan kewangan bagi operasi asing dan entiti pelaporan dilakukan menurut prosedur penyatuan yang biasa, seperti penyingkiran baki dan urusan niaga dalam satu entiti ekonomi (rujuk MPSAS 6 dan MPSAS 8, *Kepentingan dalam Usaha Sama.*)
52. Walau bagaimanapun, aset monetari (atau liabiliti) dalam satu entiti ekonomi, sama ada jangka pendek atau jangka panjang, tidak boleh disingkirkan dengan liabiliti (atau aset) berkaitan dalam satu entiti ekonomi tanpa menunjukkan kesan turun naik mata wang dalam penyata kewangan disatukan. Hal ini kerana item monetari:
- (a) Menunjukkan komitmen untuk menukar satu mata wang kepada mata wang yang lain, dan
  - (b) Mendedahkan entiti pelaporan kepada untung atau rugi melalui turun naik mata wang.
- Sehubungan itu, dalam penyata kewangan disatukan bagi entiti pelaporan tersebut, perbezaan pertukaran tetap diiktiraf dalam lebihan atau kurangan, atau jika ia terhasil daripada keadaan yang diterangkan dalam perenggan 37, ia diklasifikasikan sebagai aset bersih/ekuiti sehingga operasi asing tersebut dilupuskan.
53. Apabila penyata kewangan operasi asing disediakan pada tarikh yang berbeza daripada entiti pelaporan, operasi asing itu biasanya menyediakan penyata tambahan pada tarikh yang sama dengan penyata kewangan entiti pelaporan. Jika ini tidak dilakukan, MPSAS 6 membenarkan penggunaan tarikh pelaporan berbeza, dengan syarat:
- (a) Perbezaan tarikh itu tidak melebihi tiga bulan, dan
  - (b) Pelarasan dibuat terhadap kesan apa-apa urusan niaga atau peristiwa lain yang signifikan yang berlaku dalam tempoh antara tarikh yang berbeza itu.
54. Apabila terdapat perbezaan antara tarikh pelaporan entiti pelaporan dengan tarikh pelaporan operasi asing, aset dan liabiliti operasi asing itu diterjemah menggunakan kadar pertukaran pada

## MPSAS 4 – Kesan Perubahan Kadar Pertukaran Asing

---

tarikh pelaporan operasi asing itu.

55. Pelarasan dibuat bagi perubahan yang signifikan dalam kadar pertukaran sehingga tarikh pelaporan bagi entiti pelaporan menurut MPSAS 6. Pendekatan yang sama diambil apabila menggunakan kaedah ekuiti terhadap entiti bersekutu dan usaha sama, dan apabila menggunakan penyatuan berkadaran bagi usaha sama menurut MPSAS 7, *Pelaburan dalam Entiti Bersekutu*, dan MPSAS 8.
56. **Apa-apa muhibah yang terhasil daripada pemerolehan operasi asing dan apa-apa pelarasan nilai saksama terhadap amaun bawaan aset dan liabiliti yang terhasil daripada pemerolehan operasi asing itu hendaklah diolah sebagai aset dan liabiliti operasi asing tersebut. Dengan itu, ia hendaklah dinyatakan dalam mata wang fungsian operasi asing itu dan hendaklah diterjemah pada kadar penutup menurut perenggan 44 dan 48.**

### **Pelupusan Operasi Asing**

57. **Semasa pelupusan operasi asing, amaun kumulatif perbezaan pertukaran yang tertunda dalam komponen berasingan bagi aset bersih/ekuiti yang berkaitan dengan operasi asing itu hendaklah diiktiraf dalam lebihan atau kekurangan apabila untung atau rugi pelupusan tersebut diiktiraf.**
58. Entiti boleh melupuskan kepentingannya dalam operasi asing melalui penjualan, pembubaran, pembayaran balik modal disumbang, atau penghentian semua atau sebahagian entiti tersebut. Pembayaran dividen atau pengagihan yang serupa hanya menjadi sebahagian daripada pelupusan apabila ia membentuk pulangan ke atas pelaburan itu, contohnya apabila dividen atau pengagihan yang serupa dibayar daripada lebihan prapemerolehan. Dalam kes pelupusan separa, hanya bahagian berkadaran bagi perbezaan pertukaran terkumpul yang berkaitan dimasukkan dalam untung atau rugi. Turun nilai amaun bawaan bagi operasi asing tidak membentuk pelupusan separa. Oleh itu, tiada untung atau rugi pertukaran asing tertunda diiktiraf dalam lebihan atau kekurangan pada masa turun nilai.

### **Kesan Cukai akibat Perbezaan Pertukaran**

59. Bagi entiti pelaporan yang tertakluk kepada cukai pendapatan, panduan pengolahan bagi:
  - (a) Kesan cukai berkaitan dengan untung dan rugi daripada urus niaga mata wang asing; dan
  - (b) Perbezaan pertukaran yang timbul daripada terjemahan prestasi kewangan dan kedudukan kewangan entiti (termasuk operasi asing) kepada mata wang yang lain, boleh didapati dalam piawaian perakaunan antarabangsa atau kebangsaan yang relevan berkenaan cukai pendapatan.



## **Pendedahan**

60. **Dalam perenggan 62 dan 64-66, rujukan “mata wang fungsian” terpakai, dalam kes entiti ekonomi, kepada mata wang fungsian entiti mengawal.**
61. **Entiti hendaklah mendedahkan:**
  - (a) **Amaun perbezaan pertukaran yang diiktiraf dalam lebihan atau kekurangan, kecuali amaun yang terhasil daripada instrumen kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui lebihan atau kekurangan menurut MPSAS 29; dan**
  - (b) **Perbezaan pertukaran bersih yang diklasifikasikan dalam komponen berasingan aset bersih/ekuiti dan penyesuaian amaun perbezaan pertukaran tersebut pada awal dan akhir tempoh itu.**
62. **Apabila mata wang pembentangan berbeza daripada mata wang fungsian, fakta ini hendaklah dinyatakan, disertai pendedahan mata wang fungsian dan sebab menggunakan mata wang pembentangan yang berbeza.**
63. **Apabila berlaku perubahan dalam mata wang fungsian entiti pelaporan atau operasi asing yang signifikan, fakta ini dan sebab pertukaran mata wang fungsian hendaklah didedahkan.**
64. **Apabila entiti membentangkan penyata kewangannya dalam mata wang yang berbeza daripada mata wang fungsian, ia hanya boleh menyatakan bahawa penyata kewangan itu mematuhi MPSAS jika ia mematuhi semua keperluan bagi setiap Piawai yang berkaitan, termasuk kaedah terjemahan yang dinyatakan dalam perenggan 44 dan 48.**
65. **Ada kalanya entiti membentangkan penyata kewangannya atau maklumat kewangan lain dalam mata wang yang bukan mata wang fungsian tanpa memenuhi keperluan perenggan 64. Contohnya, entiti mungkin menukar hanya beberapa item terpilih daripada penyata kewangannya, kepada mata wang lain. Walaupun, entiti yang mata wang fungsian bukan mata wang ekonomi hiperinflasi boleh menukar penyata kewangannya ke dalam mata wang yang lain dengan menukarkan semua item pada kadar penutup yang terbaharu. Penukaran tersebut tidak sejajar dengan MPSAS dan pendedahan yang dinyatakan dalam perenggan 66 perlu dilakukan.**
66. **Apabila entiti membentangkan penyata kewangannya atau maklumat kewangan lain dalam mata wang yang berbeza daripada mata wang fungsian atau mata wang pembentangan dan keperluan dalam perenggan 64 tidak dipenuhi, ia hendaklah:**
  - (a) **Mengenal pasti dengan jelas maklumat itu sebagai maklumat tambahan, bagi membezakannya daripada maklumat yang mematuhi MPSAS;**
  - (b) **Mendedahkan mata wang yang digunakan dalam maklumat tambahan yang ditunjukkan itu; dan**
  - (c) **Mendedahkan mata wang fungsian entiti itu dan kaedah terjemahan yang digunakan untuk menentukan maklumat tambahan itu.**

## **Peruntukan Peralihan**

### **Pemakaian Kali Pertama Perakaunan Akruan**

67. Entiti pelaporan tidak dikehendaki mematuhi keperluan bagi perbezaan terjemahan terkumpul yang wujud pada tarikh mula menerima pakai perakaunan akruan menurut MPSAS. Jika penerima pakai kali pertama menggunakan pengecualian ini:
- (a) Perbezaan terjemahan terkumpul bagi semua operasi asing itu dianggap sifar pada tarikh mula menerima pakai MPSAS; dan
  - (b) Untung dan rugi daripada pelupusan berikutnya bagi mana-mana operasi asing hendaklah mengecualikan perbezaan terjemahan yang timbul sebelum tarikh mula menerima pakai MPSAS, dan hendaklah memasukkan perbezaan terjemahan yang berikutnya.
68. Piawaian ini menghendaki entiti untuk:
- (a) Mengklasifikasikan sesetengah perbezaan terjemahan sebagai komponen berasingan aset bersih/ekuiti; dan
  - (b) Apabila operasi asing itu dilupuskan, memindahkan perbezaan terjemahan terkumpul bagi operasi asing kepada penyata prestasi kewangan sebagai sebahagian daripada untung atau rugi daripada pelupusan.

Peruntukan peralihan ini memberikan pengecualian daripada keperluan ini kepada penerima pakai MPSAS kali pertama.

### **Peruntukan Peralihan bagi Semua Entiti**

69. Entiti hendaklah mengguna pakai perenggan 56 secara prospektif bagi semua pemerolehan yang berlaku selepas bermulanya tempoh pelaporan kewangan yang menerima pakai Piawaian ini buat pertama kali. Penggunaan retrospektif perenggan 56 terhadap pemerolehan terdahulu adalah dibenarkan. Bagi pemerolehan operasi asing yang diolah secara prospektif, tetapi berlaku sebelum tarikh Piawaian ini kali pertama diterima pakai, entiti tidak perlu menyatakan semula tahun sebelumnya dan jika bersesuaian, mengolah pelarasan muhibah dan nilai saksama yang timbul daripada pemerolehan tersebut sebagai aset dan liabiliti entiti dan bukannya sebagai aset dan liabiliti operasi asing itu. Oleh itu, pelarasan muhibah dan nilai saksama itu adalah sama ada telah dinyatakan dalam mata wang fungsian entiti tersebut atau item mata wang asing bukan monetari, yang telah dilaporkan menggunakan kadar pertukaran pada tarikh pemerolehan itu.
70. Semua perubahan lain yang terhasil daripada penggunaan Piawaian ini hendaklah diakaunkan menurut keperluan MPSAS 3, *Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan*.

### **Tarikh Kuat Kuasa**

71. **Entiti hendaklah mengguna pakai Piawaian ini ke atas penyata kewangan tahunan yang meliputi tempoh bermula pada atau selepas 1 Januari 2017. Pemakaian lebih awal adalah digalakkan. Jika entiti mengguna pakai Piawaian ini untuk tempoh bermula sebelum 1 Januari 2017, entiti hendaklah mendedahkan fakta tersebut.**
72. Apabila entiti menerima pakai asas perakaunan akruan seperti yang ditakrifkan oleh MPSAS bagi tujuan pelaporan kewangan selepas tarikh kuat kuasa ini, maka Piawaian ini terpakai kepada penyata kewangan tahunan entiti meliputi tempoh bermula pada atau selepas tarikh diterima pakai.

### **Penarikan Balik IPSAS 4 (2006)**

73. [Dimansuhkan]

**Perbandingan dengan IPSAS 4**

MPSAS 4 *Kesan Perubahan Kadar Pertukaran Asing* digubal berasaskan IPSAS 4 (2011). Perbezaan utama antara MPSAS 4 dengan IPSAS 4 adalah seperti yang berikut:

- Pada perenggan 4, MPSAS 4 menjelaskan bahawa GBE mengguna pakai piawaian perakaunan yang diluluskan yang dikeluarkan oleh MASB, manakala IPSAS 4 menjelaskan bahawa GBE mengguna pakai IFRS yang dikeluarkan oleh IASB.
- Perenggan 73, penarikan balik IPSAS 4 (2006) dimansuhkan kerana ia tidak relevan.